

## **KOMUNITI REMAJA & PERMASALAHAN SOSIAL: PERANAN GURU SEBAGAI PENOLONG BANTU DI SEKOLAH.**

Oleh

Mohamed Sharif b. Mustaffa, PhD

Zainudin b. Hassan

Jamaluddin b. Ramli

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia  
Skudai, Johor

### **ABSTRAK**

Remaja merujuk kepada zaman peralihan antara kanak-kanak dengan alam dewasa yang melibatkan perkembangan dan kedewasaan dari aspek fizikal/jasmani, psikologi/emosi, intelek, rohani/spiritual dan sosial. Atas sifat dan ciri yang ada inilah memudahkan pengaruh yang positif mahupun remaja menerjah masuk ke alam pemikiran dan membentuk sistem kepercayaan dan nilai tersendiri yang mungkin sukar dibetulkan. Bagi ahli psikologi, tugas utama remaja ialah pencerminan diri iaitu mengintegrasikan atau peyusunan semula diri seseorang untuk perkembangan diri. Guru sebagai Penolong Bantu di sekolah boleh menggunakan kemahiran kaunseling untuk mengenalpasti dan menguruskan permasalahan komuniti remaja di sekolah. Walaupun begitu terdapat beberapa personaliti guru yang perlu ada untuk menjadi Penolong Bantu yang baik.

### **PENDAHULUAN**

Remaja selalunya dikaitkan dengan masalah sosial. Ini mungkin disebabkan banyaknya berita masalah sosial yang disebarkan melalui media dilakukan oleh remaja. Jika kita berdasarkan perangkaanpun amat sukar untuk dinafikan bahawa remaja adalah golongan terbesar dan seringkali dikaitkan dengan masalah.

Cuba anda renungkan beberapa masalah berikut dan memikirkan siapakah yang kerap terlibat dan dikaitkan dengan masalah tersebut?

- i) Penyalahgunaan dan penagihan dadah.
- ii) Minuman keras @ alkohol.
- iii) Gejala lepak.
- iv) Membuang masa tanpa faedah.
- v) Tingkahlaku seksual bebas.
- vi) Ketidakpercayaan terhadap ibubapa.

- vii) Gejala bohsia.
- viii) Bekerja ditempat yang tidak sesuai.
- ix) Pelacuran
- x) Bersekedudukan.
- xi) Lari dari rumah.
- xii) Memeras ugut dll.

Walaubagaimana banyakpun masalah yang berlaku dan golongan dominan yang terlibat adalah remaja tetapi mereka tidak harus dipersalahkan seratus peratus. Ada juga remaja yang sedar dan insaf tentang masa depan dan tanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara berupaya memastikan diri mereka terhindar dan terselamat dari gejala tersebut.

Sebelum kita pergi lebih jauh, ada baiknya kita mengenali dengan lebih dekat siapakah remaja?

### **SIAPA REMAJA?**

Terlalu banyak pendefinisian tentang remaja kerana apabila ditanya kepada puluhan bahkan ratusan orang maka puluhan/ratusan jawapan yang timbul. Secara mudah, remaja merujuk kepada zaman peralihan antara kanak-kanak dengan alam dewasa. Ia juga melibatkan perkembangan & kedewasaan dari aspek fizikal/jasmani, psikologi/emosi, intelek, rohani/spiritual dan sosial.

Dari segi jangkaan umur dikatakan remaja berada antara 12-18 tahun dan ada yang sanggup melanjutkan penafsiran sehingga 24 tahun.

Ahli teori menafsirkan remaja sebagai keseluruhan segala penyesuaian terhadap perubahan yang bermula dari baligh. Keperluan untuk mengendalikan baligh telah melahirkan berbagai cara melepaskan ketegangan, kepuasan dan pertahanan dalam diri seseorang bertanggungjawab terhadap kelakuan 'luar biasa' yang dikatakan oleh orang dewasa sebagai ciri-ciri penting zaman remaja.

### **REMAJA, PERUBAHAN DIRI DAN MASALAH SOSIAL.**

Generalisasi mengenai remaja.

- i) Masa remaja adalah zaman peralihan dari kanak-kanak kepada dewasa.
- ii) Kematangan jasmani dan jantina.
- iii) Masa remaja adalah mencari kebebasan emosi, sosial dan ekonomi.

Remaja juga mudah diinterpertasikan secara gambaran atau ibarat seperti yang pernah digambarkan oleh Joseph Lander melalui tulisannya bertajuk "The Pubertal Struggle Against The Instincts" (1942), remaja diibarat seperti "singa yang tidur telah terjaga, menegangkan badan dan seolah-olah kuat dan segar dari rehat yang panjang, mula untuk membinasakan struktur yang luas...naluri dapat kekuatan baru akibat kelenjar hormon...kedamaian yang lalu tidak lagi wujud".

Remaja juga bersifat altruistic dan egosentrik, rapat dan tidak setia, suka berkawan dan keseorangan, patuh membuta tuli, menentang kuasa, idealistic dan sinis, cuai dan sensitive dan suka berpoya-poya, optimistic dan pesimistik, bersemangat dan tidak peduli (Maxwell Gitelson, 1948).

Atas sifat dan ciri yang ada pada remaja inilah memudahkan pengaruh yang positif maupun negatif menerjah masuk ke alam pemikiran dan membentuk sistem kepercayaan dan nilai tersendiri yang mungkin sukar dibetulkan. Tingkahlaku negatif akan cepat diikuti dan berkembang biak sebagai amalan apabila kuatnya pengaruh luar seperti rakan sebaya, media hiburan yang turut membantu memperkemas amalan negatif tersebut. Dari sini lahirnya gejala yang pernah disebutkan terdahulu.

### **BAGAIMANA GURU SEBAGAI PENOLONG BANTU DI SEKOLAH BOLEH MENGGUNAKAN KEMAHIRAN KAUNSELING.**

Bagi ahli psikologi, tugas utama remaja ialah pencerminan diri iaitu untuk mengintergrasikan @ penyusunan semula diri seseorang untuk perkembangan diri. Bahayanya semasa remaja ialah penyerapan identiti atau kebingungan peranan. Kebingungan peranan yang dialami oleh remaja tidak harus dibiarkan. Mahu tidak mahu, suka atau tidak, kita harus memainkan peranan penting untuk membetulkan keadaan, mengurus permasalahan dan menjadikan agenda pemulihan sebagai tindakan awal yang penting untuk digerakkan.

Secara khususnya ada beberapa tatacara dan proses mengenalpasti serta mengurus permasalahan remaja ini, antaranya:-

- i) *Rapport*-ialah membina hubungan baik dengan remaja untuk lebih mengenali dan selesa untuk berbincang apa jua masalahnya.
- ii) *Structuring*-menyebut beberapa tatacara dan tanggungjawab yang harus dimainkan oleh remaja serta kerahsiaan dan sifat yang wajar ditunjukkan dalam proses kaunseling. Tahap ini penting supaya remaja tidak teragak-agak dan 'takut' untuk berkongsi isu/permasalahan.
- iii) *Defining the problem*-mengenalpasti masalah sebenar yang dihadapi remaja dengan cara penerokaan dan empati terutama yang menunjukkan kemungkinan adanya "hidden problem". Mentakrif masalah dan mengkaji sebab-sebabnya.
- iv) *Defining a goal*-mengenalpasti matlamat sebenar yang dihajati oleh remaja dalam sesuatu pertemuan/sesi. Perkara ini penting untuk menjelaskan halatuju perbincangan/sesi supaya berfokus.
- v) *Exploration of alternative and confronting incongruence*- boleh dilakukan untuk meneroka pilihan-pilihan penyelesaian berasaskan matlamat serta meminta penjelasan tentang perkara-perkara yang tidak selaras antara verbal dan non-

verbal communication. Alternative yang dipilih remaja sebaiknya bersifat kreatif dan jangan terlalu gopoh menilai baik-buruknya. Penilaian alternative menyelesaikan masalah mestilah dilakukan dengan mengambil kira semua faktor (*consider all factor*). Akhirnya memilih alternative yang dirasakan oleh remaja paling baik untuk dilaksanakan mengikut urutan kesesuaian (mungkin juga mengambil kira dari mudah ke susah, *simple to complicate*).

- vi) *Generalization to daily*- rumusan umum perlu dibuat setiap kali pertemuan untuk memudahkan remaja memahami keseluruhan proses kaunseling/ perbincangan yang telah dijalankan.

Secara keseluruhannya proses di atas adalah agak mudah dilaksanakan tetapi ianya harus mengambilkira kemahiran-kemahiran tertentu yang mesti digunakan sepanjang proses di atas dilakukan. Kemahiran-kemahiran yang mesti dipraktikkan semasa proses di atas dijalankan, antaranya seperti berikut:-

- i) *Attending behavior* (tingkah laku melayan)-kemahiran ini amat penting dan asas kepada pertemuan bersemuka. Ianya termasuklah *eye contact*, *body language*, *vocal qualities* dan *verbal tracking skills*. Kita semestinya menggunakan lisan (perkataan) dan bukan lisan (mimik muka, jarak posisi dan pergerakan badan, nada dan kualiti suara dan kontak mata) dalam berkongsi masalah/ isu dengan remaja. Keadaan ini dapat menyakinkan antara satu sama lain tentang kejujuran.
- ii) Memulakan perbualan- boleh menggunakan soalan terbuka dan tertutup (*open & close question*). Soalan terbuka digunakan untuk menggalakkan seseorang bercerita dengan lebih panjang atau memberi penjelasan lanjut. Soalan tertutup untuk mendapat maklumat khusus dan sesuai untuk memulakan perbualan atau memecah kebuntuan.
- iii) Minta penjelasan-kadang-kadang permasalahan dan isu yang dibincangkan dengan remaja sukar difahami dan perlu meminta penjelasan lanjut atau ada maklumat yang mengelirukan.
- iv) Dorongan minima-tidak kurang pentingnya untuk menunjukkan menggalakkan remaja meneruskan perbualan. Contohnya menyebut “ya.....ya” dll.
- v) Parafrasa-kemahiran ini dapat menunjukkan bahawa kita mendengar dan faham hasrat dan mesej yang ingin disampaikan remaja.
- vi) Refleksi-membuat respon terhadap perasaan, pengalaman, peristiwa atau isi yang telah dibincangkan.
- vii) Membuat rumusan-ada juga menggunakan rumusan kecil semasa sesi dan rumusan keseluruhan di akhir sesi.

- viii) Konfrantasi-kemahiran digunakan apabila hubungan dengan remaja telah 'jelekit' atau mesra (wujud kepercayaan). Ianya biasa dilakukan apabila adanya ketidakkongruenan antara lisan dan bukan lisan sepanjang sesi.
- ix) Diam/Sepi sejenak-penting untuk memberi remaja berfikir. Ianya juga dilakukan apabila remaja menangis semasa sesi dijalankan.
- x) Memberi maklumat-ianya perlu dilakukan apabila remaja memerlukan maklumat yang boleh membantu mempercepatkan 'kesedaran' atau celik akal.
- xi) Memimpin/ Memfokus-penceritaan yang dibuat oleh remaja perlu dilihat dengan fokus supaya ianya tidak keluar dari matlamat perbincangan dan maklumat yang diberikan wajar disemak kesignifikannya'.

## **PERSONALITI GURU SEBAGAI PENOLONG BANTU DI SEKOLAH**

Kemahiran yang baik dan sesuai perlu diikuti oleh tingkahlaku dan personaliti guru yang juga sempurna oleh penolong bantu bagi memantapkan kejayaan sesuatu proses. Sifat dan ciri-ciri nubuwwah (kenabian) sewajarnya dijadikan amalan dan dipupuk oleh penolong bantu. Kejujuran, keikhlasan, ketulinan, amanah dan ratusan sifat mahmudah wajar dijadikan pakaian pada penolong bantu.

Corey (1982), Kottler (1983) Patterson & Eisenberg (1983) dan Sexton & Whiston (1994) turut menggariskan beberapa ciri seorang penolong bantu yang baik seperti berikut:-

- i. *sense of humor*
- ii. *high energy level*
- iii. *self confidence*
- iv. *neutrality*
- v. *flexibility*
- vi. *analytical thinking*
- vii. *creativity*
- viii. *enthusiasm*
- ix. *compassion*
- x. *honestly*

Ada juga penulis yang memperkatakan tentang kualiti yang perlu ada pada seseorang penolong bantu, antaranya;-

- i. *psychological health*
- ii. *genuine interest in others*
- iii. *empathic ability*
- iv. *personal warmth*

- v. *personal power*
- vi. *self awareness*
- vii. *tolerance of ambiguity*
- viii. *an awareness of values*

Aziz Salleh(1993) dalam bukunya *Kaunseling Islam Asas* juga telah menyenaraikan sifat-sifat kaunselor Islam iaitu:

- i. Beriman dan bertakwa kepada Allah
- ii. Jujur dan ikhlas
- iii. Benar
- iv. Berani
- v. Adil
- vi. Pemurah dan ramah-tamah
- vii. Sabar dan tenang
- viii. Adab dan akhlak
- ix. Percakapan dan interaksi
- x. Toleransi
- xi. Merendah diri
- xii. Sentiasa ingin membantu menepati janji
- xiii. Berilmu, terlatih dan sesuai

## **PENUTUP**

Remaja dan permasalahan sosial bukanlah mudah untuk ditangani apa lagi hendak diselesaikan. Ianya memerlukan semua pihak yang signifikan terlibat secara serius memikir, mengkaji dan memahami serta mencari jalan penyelesaian. Walau bagaimanapun, guru sebagai penolong bantu di sekolah masih boleh memainkan peranan yang sangat penting dalam memahami dari kerangka rujuk remaja sendiri dengan proses dan personaliti yang sesuai seperti yang diutarakan. Apa yang lebih penting ialah kemahuan dan keinginan remaja melakukan perubahan pada dirinya sendiri dalam mengembalikan kejatian diri bagi menghalang kebingungan peranan dan penyerapan personaliti negatif.

## **BIBLIOGRAFI**

- Adkins, M.A., Birman, D. & Sample, B. (1999). "Cultural adjustment, mental health, and ESL : The refugee experience, the role of the teacher, and ESL activities". Denver, CO: Spring Institute for International Studies.
- Aziz Salleh (1993). "Kaunseling Islam Asas". Kuala Lumpur : Utusan Pub.
- Bindman, Arthur J. (1964). "The School Psychologist and Mental Health" Journal of Education.
- C. Philip.(1973). " Student Health". London : Priory Press Limited.
- Hamblin, Douglas.(1993). "The teacher and counseling". Hemel Hempstead, Herts : Simon & Schuster Educ.
- Ken Williams.(1973). "The school Counselor". London : Methuen & Co. LTD.